

Keratan Akhbar bertarikh 5 Mei 2016

Sinar Harian, Malaysia.

Eco Free Market pupuk sifat bersedekah

SHAH ALAM - Kira-kira 1,000 pengunjung hadir memberi sokongan terhadap program 'Eco Free Market' anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, program yang bertempat di Taman Sukan Lasak, Seksyen 13 itu mendapat sambutan kerana ia memberi manfaat kepada masyarakat.

"Rata-rata pengunjung nyatakan sokongan terhadap program ini dan berharap dapat diadakan secara kerap kerana ia beri manfaat kepada orang ramai khususnya golongan memerlukan.

"Program ini adalah platform kepada komu-

niti Shah Alam menyertai aktiviti amal dengan mengedarkan barang keperluan secara percuma kepada orang ramai," katanya.

Menurutnya, matlamat penganjurannya adalah memperkenalkan konsep 'free market' kepada orang ramai selain memupuk sifat bersedekah.

"Konsepnya adalah 'less is more' bermaksud, menguruskan pemberian barang terpakai dan meminimumkan perbelanjaan kepada yang memerlukan.

"Penyumbang boleh dermakan barang atau perkhidmatan percuma seperti pakaian, aksesori, hiasan rumah, permainan, alat elektronik atau bahan bacaan dan jika pengunjung berminat, mereka hanya perlu minta izin untuk ambil ikut keperluan," katanya.